



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.BK(S) 174/3/2-1 Jld.8 (18)

3 November 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
SERTA KUMPULAN PELAKSANA SECARA *DUAL SYSTEM* BAGI TAHUN
PENILAIAN 2022 DAN 2023**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan iaitu *MyPerformance* akan dilaksanakan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana mulai 1 Januari 2024. *MyPerformance* akan menggantikan sistem penilaian prestasi yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 iaitu Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini menetapkan **tempoh dua (2) tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023 sebagai tempoh familiarisasi *MyPerformance***. Sepanjang tempoh tersebut, pengurusan prestasi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana **hendaklah** menggunakan Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS dan Modul Pengurusan Prestasi – *MyPerformance* HRMIS bagi tahun penilaian 2022 dan 2023 secara serentak (*dual system*).

4. Sepanjang pelaksanaan *dual system* ini, Borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dihentikan penggunaannya dan digantikan dengan Sasaran Kerja Utama (SKU) di bawah Modul Pengurusan Prestasi – *MyPerformance* HRMIS. Oleh itu, hasil pencapaian SKU di bawah Modul Pengurusan Prestasi – *MyPerformance* HRMIS **hendaklah dirujuk** oleh Pegawai Penilai (PP) semasa menyediakan LNPT Pegawai Yang Dinilai (PYD). Hasil penilaian di bawah Modul Pengurusan Prestasi – *MyPerformance* HRMIS **boleh juga dirujuk** dalam menyediakan LNPT PYD.

5. Markah LNPT PYD tahun 2022 dan 2023 di bawah Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS akan kekal digunakan bagi urusan sumber manusia yang dilaksanakan dalam tahun 2023 dan 2024 termasuklah Pergerakan Gaji Tahunan dan Hadiah Latihan Persekutuan.

6. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan berdasarkan panduan seperti yang berikut:

Bil.	Tajuk	Keterangan	Lampiran
6.1	Panduan Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana (<i>MyPerformance</i>)	Menggantikan penggunaan— (a) Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia di Lampiran A2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 kecuali— (i) perenggan 22 hingga 27 dan perenggan 30; dan (ii) Kembaran B, Kembaran C dan Kembaran E tidak termasuk Lampiran 'A' Borang SKT;	A

Bil.	Tajuk	Keterangan	Lampiran
		(b) Panduan Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan di Lampiran A3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002; dan (c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 yang melibatkan perkara-perkara yang berikut: (i) perenggan 4.1, 4.2 dan 5; dan (ii) Lampiran A, Lampiran A1 dan Lampiran B.	
6.2	Jadual Pengurusan Prestasi Tahunan Secara <i>Dual System</i>	Menggantikan penggunaan— Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 yang melibatkan perkara-perkara yang berikut: (a) perenggan 4.1; dan (b) Lampiran A dan Lampiran A1.	B
6.3	Persediaan Jabatan Bagi Pelaksanaan Pengurusan Prestasi Secara <i>Dual System</i>	Merangkumi tindakan yang perlu dilaksanakan termasuklah aspek maklumat sandangan pegawai dalam HRMIS sehingga pembentukan kamus kompetensi fungsian jabatan.	C

7. Dalam melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi, Ketua Perkhidmatan hendaklah membangunkan kamus kompetensi fungsian bagi skim perkhidmatan mengikut fungsi jabatan seperti di **Lampiran D**.

8. Pelaksanaan perkara ini akan dipantau secara berkala. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan *dual system* ini boleh dikemukakan kepada Jabatan ini melalui saluran yang berikut:

Bil.	Perkara	E-mel/ Sistem Aplikasi	No Tel
8.1	Panduan Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Serta Kumpulan Pelaksana (<i>MyPerformance</i>)	myperformance@jpa.gov.my	03 - 8885 5320 03 - 8885 5324 03 - 8885 5302 03 - 8885 5314
8.2	Modul Pengurusan Prestasi – <i>MyPerformance</i> HRMIS	Pusat Meja Bantuan HRMIS JPA— (a) Sistem Aplikasi: https://spmb.jpa.gov.my (b) Aplikasi Mudah Alih: myHRMIS Mobile	03 - 8321 1400
8.3	Panduan Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian Perkhidmatan Awam	mykkf@jpa.gov.my	03-8885 5326 03-8885 5318 03-8885 5314 03-8885 5320


9. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam surat edaran ini hendaklah mendapat pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized loop followed by a series of smaller, more intricate strokes.

(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)